

# Mahathir: ITM patut disusun lebih sempurna

**KUALA LUMPUR, Rabu.** — Institut Teknologi Mara akan menjadi sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pelajaran apabila rang undang-undang Institut Teknologi Mara, 1976 diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara kelak.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, ketika membentangkan rang undang-undang itu di Dewan Rakyat hari ini menyebut ITM patut disusun semula supaya tugasnya dapat dijalankan lebih kemas dan sempurna.

"Pemindahan kepada Kementerian Pelajaran dianggap perlu kerana institusi ini dirancang sebagai institusi pelajaran dan mengambil penuntut dari sekolah-sekolah di bawah jagaan Kementerian Pelajaran.

## Maklumat

"Ia juga bersaing dan perlu bekerjasama dengan lain-lain institusi pelajaran di bawah Kementerian Pelajaran.

"Kementerian Pelajaran pula mempunyai lebih banyak maklumat tentang pelajaran yang berguna untuk ITM dan akan menolong institusi itu mencapai kejayaan berlebihan.

"Inilah tujuannya kenapa ITM dipindahkan ke Kementerian Pelajaran," kata beliau.

Rang undang-undang itu mengandungi tujuh bahagian, termasuk fungsi dan kuasa institut serta perbekalan-perbekalan penting dan status majlis institusi itu.

Menurut seksyen 3 ba-



DR. MAHATHIR

hagian II, ITM dijadikan sebuah badan berkanun dengan kuasa-kuasa yang biasa dinikmati oleh sesebuah badan seumpama itu.

Kuasa-kuasa itu meliputi kuasa mendakwa dan didakwa, untuk membuat janji, mengambil, menerima, memegang apa-apa harta, samaada harta alih atau harta tak alih dan sebagainya.

ITM, kata Dr. Mahathir, dibenarkan menjalankan apa-apa rancangan pelajaran dan latihan demi kepentingan mencapai matlamatnya. "Namun begitu, dalam beberapa hal yang penting, kata pemutus adalah terletak pada Menteri Pelajaran.

"Oleh itu, menurut seksyen 7, kuasa untuk menubuhkan cawangan ITM adalah terletak dengan menteri, iaitu setelah ia berunding dengan majlis institut itu.

"Pengawasan ketat ini bertujuan menentukan bahawa sebarang kursus

atau latihan yang dijalankan di ITM benar-benar diperlukan oleh negara," ujar beliau.

Mengenai majlis institut itu beliau berkata, ia mengandungi 13 ahli yang dilantik oleh menteri untuk selama tiga tahun.

Ahli Parlimen Kepong, Dr. Tan Chee Khoo yang pada mulanya membantah sikap tidak memberi notis terhadap pembentangan rang undang-undang itu mengesyorkan, dua siswazah ITM dilantik menjadi ahli majlis itu, seperti yang dilakukan oleh lain-lain pusat pengajian tinggi di negara ini.

## Mengawasi

Menurut beliau, peranan siswazah atau lulusan ITM itu boleh dikatakan penting juga dalam menentukan arah dan tujuan institut tersebut.

Mengenai jawatan pengarah, Dr. Mahathir menjelaskan, ia akan dilantik oleh Menteri dan bidang kuasanya ialah mengawasi secara am mengenai perkara-perkara berhubung dengan latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib institut itu.

Menteri akan berunding dengan pengarah yang bertindak selaku ketua pegawai pentadbir dan akademik, untuk melantik Timbalan Pengarah.

Mengenai kewangan, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, akan

★ Muka 12 ruang 2

# ITM akan dijadikan badan berkanun

ditubuhkan sebuah tabung yang dikenali sebagai Tabung Institut Teknologi Mara yang akan ditadbir dan dikawal oleh majlis.

Menurut seksyen 29 Bahagian V, Majlis institut itu dikehendaki menyampaikan kepada

Menteri satu laporan yang mengandungi kegiatan-kegiatan institut bagi tahun yang lalu.

"Perbekalan - perbekalan yang disebutkan itu

adalah penting untuk menentukan bahawa pengawasan yang teliti dan menyeluruh dikenakan kepada segala perbelanjaan yang dibuat

★ DARI MUKA SATU

oleh institusi itu," katanya.

Sementara bahagian VII mengandungi beberapa peruntukan peralihan untuk menentukan bahawa perubahan taraf institusi itu dari sebuah institusi pelajaran yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat kepada bentuk yang ada sekarang, iaitu sebuah badan berkanun.

Mengenai keadaan ITM sekarang, Dr. Mahathir memberitahu, institusi itu disediakan untuk 4,500 pelajar tapi hanya menerima hampir 7,500 pelajar yang berkelayakan minima.

"Dengan menerima cuma separuh saja daripada kemudahan dan pengajaran, maka sudah tentu pencapaian mereka tidak seperti yang dirancang.

"Saya harap, apa yang saya sebut di sini tidak ditafsirkan bahawa saya ingin mengurangkan bilangan penuntut di ITM menjadi 2,750 saja.

## Pengajar

"Apa yang perlu dibuat ialah menambah tenaga pengajar dan kemudahan dan saya juga tidak bercadang mengurangkan bilangan penuntut dari 7,500 kepada 4,500 orang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga menyebut, penyerapan ilmu menjadi lebih sukar jika pelajar diharu dengan emosi dan fikiran yang lain.

Perasaan marah yang membakar hati, tambah beliau, tetap akan menghalang penyerapan ilmu pengetahuan.

"Dari itu tentulah jelas bahawa kejayaan institusi pelajaran bergantung kepada kecekapan penuntut, tenaga dan alat pengajaran yang baik dan cukup, serta suasana pelajaran yang sesuai.

40  
C  
ma lagi," tambah Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) juga membantah cara rang undang-undang itu dikemukakan ke dewan dalam masa yang singkat.

Bellau percaya rang undang-undang itu telah lama disiapkan kerana ia adalah ekoran dari peristiwa yang berlaku di ITM awal tahun ini.

"Apabila saya membaca akta ini, saya mendapat suatu perasaan bahawa tujuannya semata-mata untuk menjadikan ITM sebuah jabatan kerajaan."

Bellau mengingatkan bahawa institusi pelajaran tinggi seperti ITM bukanlah satu jabatan kerajaan walaupun sumber kewangannya datang dari kerajaan.

ITM, tegasnya, mestilah mempunyai suasana akademik yang boleh mendorong pambangunan dan kemajuan pemikiran para pelajar.

Encik Lim menekankan bahawa keadaan seperti ini tidak sihat bagi pembangunan negara yang bebas dan mengamalkan demokrasi.

Bellau juga tidak bersetuju peruntukan mengenai komposisi majlis ITM yang menurutnya bermajoritikan pegawai kerajaan.

"Saya juga tidak faham mengapa perlantikan pengetua cawangan ITM yang diperuntukkan dalam akta ini boleh dilakukan oleh Menteri Pelajaran tanpa rundingan dengan pengarah ITM.

"Yang amat memeranjatkan saya ialah peruntukan yang membolehkan menteri berkenaan membuat peraturan-peraturan perlu bagi pentadbiran cawangan-cawangan ITM itu walaupun ia bercanggah dalam akta ini."

Keadaan di ITM tidak satu pun sesuai dengan penyerapan pelajaran, kata beliau.

Menurut beliau, berdasarkan sebab dan akibat itu, kerajaan berpendapat bahawa ITM patut disusun semula supaya tugasnya dapat dijalankan dengan sempurna.

Wakil tunggal Peke-mas, Dr. Tan Chee Khoo yang mula-mula membahaskan rang undang-undang itu, membantah kerana rang undang-undang itu lewat diedarkan kepada anggota-anggota dewan.

Katanya, rang undang-undang itu harus diteliti lebih dulu kerana ia terlalu penting, sebelum ia dapat dibahaskan dengan lebih sempurna.

Bellau mengesyorkan, ITM membuka pintunya sedikit demi sedikit kepada para pelajar bukan-Bumiputra.

## Buka pintu

Menurut beliau, jika kerajaan benar-benar berhasrat mewujudkan perpaduan negara, perlulah ITM membuka pintu kepada semua kaum.

Bellau juga mengesyorkan, kerajaan menggalakkan lebih ramai Bumiputra memasuki kolej Tunku Abdul Rahman yang kini jumlah pelajar Bumiputra terlalu sedikit.

Dr. Tan juga meminta Menteri Pelajaran menerima balik 250 pelajar yang belum diterima kembali bersabit dengan demonstrasi pelajar baru-baru ini.

"Apa yang dikesalkan, ada di antara mereka akan menduduki peperiksaan akhir tidak la-

"Jika ini disengajakan, ia adalah sangat luarbiasa dan melanggar prinsip-prinsip penting yang bermakna menteri berkenaan mempunyai kuasa-kuasa yang lebih besar dari Parlimen," tegasnya.

Encik Lim berharap menteri berkenaan dapat menjelaskan perkara itu sebelum dewan diminta meluluskan akta tersebut.

## Tahniah

Encik Zakaria Abdul Rahman (BN-Besut) yang menyokong rang undang-undang itu berkata ITM patut dinaikkan ke taraf yang lebih tinggi dari taraf sekarang.

Katanya, banyak ke-balkan yang dapat diperolehi sekiranya taraf institusi itu dinaikkan.

Bellau kemudiannya mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir dan pihak ITM yang berjaya menyelesaikan kekacauan yang berlaku baru-baru ini.

Menurut beliau, walaupun ada setengah orang berpendapat cara yang dilakukan itu dianggap sebagai satu ke-kerasan tetapi memang tidak ada jalan lain untuk mengatasinya.

Mengenai siswazah ITM yang tidak mendapat perhatian masyarakat serta kerajaan, Encik Zakaria menjelaskan sikap itu hendaklah dikikiskan dan siswazah itu sendiri mestilah menunjukkan kebolehan mereka kepada masyarakat.

Perbincangan disambung bila dewan bersidang semula esok.